

PENIAGA KERETA DIBERI JAMINAN TIDAK DIJEJAS PROTON SAGA

UM 13 JUL 1985

KUALA LUMPUR 12 Julai - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad malam ini memberi jaminan bahawa kerajaan akan mengambil langkah - langkah yang sesuai untuk meringankan penjejasan yang dihadapi oleh peniaga - peniaga kereta akibat pelancaran kereta nasional Proton Saga. *Car project* Serentak dengan itu, Perdana Menteri menyeru peniaga - peniaga tersebut supaya "membuat penyesuaian" yang perlu di samping menerokai bidang pembuatan bahan - bahan komponen kereta. Semasa berucap di majlis makan malam Persatuan Peniaga Kenderaan Malaysia di sini, beliau juga menyatakan:
● Peniaga - peniaga haruslah mengambil sikap yang positif dan bersama - sama berusaha memasarkan kereta nasional Proton

Saga;

● Yakin bahawa kemungkinan untuk menjual Proton Saga yang lebih banyak adalah lebih baik memandangkan harganya lebih murah;
● Kerajaan tidak berniat menghancurkan peniaga - peniaga kereta di negara ini dengan mengeluarkan Proton Saga; dan
● Kerajaan akan mengawal harga kereta Proton Saga seperti mengawal harga kereta - kereta yang dipasang di kilang - kilang tempatan.
Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, hasrat dan niat kerajaan dalam memasuki bidang pembuatan Proton Saga adalah untuk mengembangkan perniagaan itu supaya menjadi lebih pesat. "Peniaga baru dan kecil akan diberi peluang memasuki bidang ini, sementara yang sudah maju

termasuklah ahli - ahli Persatuan Peniaga Kenderaan Malaysia akan terus maju. "Sebagai peniaga kereta, kedudukan mereka tidak akan terancam oleh pelancaran Proton Saga sekiranya mereka dapat membuat penyesuaian yang diperlukan," jelasnya. Perdana Menteri menegaskan, kerajaan menganggap para peniaga dan pengusaha sebagai sebahagian daripada masyarakat negara dalam menggubal dasar - dasarnya. Justeru itu, katanya lagi, dalam menggubal dasar kereta nasional, kerajaan memikirkan kepentingan ekonomi dan proses perindustrian keseluruhannya. Pembuatan kereta Proton Saga akan membawa berbagai faedah sampingan serta rantaian keabada

ekonomi negara yang jauh lebih menguntungkan daripada semata - mata membeli kereta asing atau memasangnya sahaja, tambah beliau. Tegasnya, kepentingan ekonomi negara jangka panjang itu tidak semestinya mengeneikan kepentingan sesuatu sektor atau sekumpulan kecil dalam jangka pendek. Oleh itu, kata beliau, kerajaan akan menimbangkan langkah - langkah yang sesuai supaya penjejasan ke atas sesuatu sektor ekonomi dapat dikurangkan. "Peniaga kereta di negara ini yang terjejas dengan pelaksanaan Proton Saga telah dan akan dipertimbangkan dengan langkah - langkah yang sesuai supaya penjejasan tersebut dapat dikurangkan," tegasnya. Kesediaan kerajaan mengadakan perjumpaan dan perbincangan dengan peniaga - peniaga kereta, peniaga - peniaga kereta, kata Datuk Sri Dr. Mahathir, membuktikan bahawa perniagaan itu mendapat perhatian yang sewajarnya. Perdana Menteri kemudian meminta ahli - ahli persatuan tersebut mengemukakan pandangan - pandangan mengenai strategi jualan, penerimaan pasaran terhadap Proton Saga, rekabentuk kereta pada masa akan datang dan kesesuaian daripada segi harga kereta.